



26 MAY, 2024

## Lebih 2,000 MADANI bantu Jualan Agro rakyat berjimat

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Lebih 2,000 Jualan Agro MADANI bantu rakyat berjimat

TAWAU: Sebanyak 2,745 Jualan Agro MADANI yang diadakan bermula 1 Januari hingga 12 Mei lepas telah memberikan penjimat pembelian bernilai sekitar RM16.8 juta kepada rakyat, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup.

Beliau berkata, program itu juga memberikan faedah kepada lebih 31,000 usahawan tempatan termasuk usahawan bimbingan kerajaan yang memasarkan produk masing-masing dengan merekodkan jualan berjumlah RM56.55 juta dalam tempoh berkenaan.

"Program ini membantu rakyat mendapat akses barangan seperti beras, ikan segar, sayur-sayuran dan buah-buahan secara langsung daripada pengecer luar atau pengusaha dengan penjimat harga sehingga 30 peratus kerana tidak melibatkan orang tengah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Jualan Agro MADANI Mega di sini, semalam.

Jualan Agro MADANI dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

(KPBM) melalui tiga agensi pelaksana, iaitu Lembaga Permasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Menurutnya, KPBM menyaskan 5,000 sesi Jualan Agro MADANI di seluruh negara pada tahun ini.

Sementara itu, Arthur dalam kenyataan sempena majlis berkenaan berkata, kerajaan merangka strategi khusus bagi memastikan nasib semua pihak terpelihara dalam menghadapi cabaran kos sara hidup tinggi.

Sehubungan itu, beliau berkata pada tahun lepas, 5,608 program Jualan Agro MADANI diadakan membabitkan 74,841 usahawan dengan nilai jualan RM93.74 juta.

"Pada tahun lalu, program itu mencatatkan nilai penjimat sebanyak RM27.8 juta kepada 11.6 juta isi rumah. Ini menunjukkan Jualan Agro MADANI mendapat sambutan baik dalam kalanng B40 serta M40," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi FAMA Aminuddin Zulkili berkata, Karnival Jualan Agro MADANI Mega Tawau yang diadakan



**MARI BELI...**  
Datuk Arthur Joseph Kurup (kiri) turut mempromosikan sayur-sayuran yang dijual kepada pengunjung selepas merasmikan Karnival Agro MADANI Mega di pekarangan Majlis Perbandaran Tawau, semalam.  
• Foto BERNAMA

selama tiga hari berakhir hari ini dijangka menerima kehadiran 30,000 pengunjung dengan nilai jualan RM850,000.

"Pada hari ini, 140 usahawan terbabit dalam karnival ini dan terdapat jualan harga istimewa, iaitu 4,000 kampit beras dijual dengan harga promosi RM25 setiap satu serta 2,000 bukal Kombo MADANI dengan harga

promosi RM20 setiap satu," katanya.

Seorang pengunjung Fariza Saka, 42, berkata program itu perlu diadakan lebih kerap kerana membantu rakyat mendapatkan harga barang pada harga murah.

Fariza berkata, dia bersama suami dan kakaknya bergerak seawal pagi dari kediaman di

Balung, iaitu sekitar 50 kilometer dari bandar Tawau semata-mata mahu ke karnival itu bagi membeli barang keperluan pada harga murah.

Penjawat awam itu tidak melepaskan peluang membeli beras, ayam bulat dan bukal Kombo MADANI yang mengandungi barang antaranya telur dan minyak. — Bernama



26 MAY, 2024

## Lebih 2,000 MADANI bantu Jualan Agro rakyat berjimat

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

TAWAU: Sebanyak 2,745 Jualan Agro MADANI yang diadakan bermula 1 Januari hingga 12 Mei lepas telah memberikan penjimatan pembelian bernilai sekitar RM16.8 juta kepada rakyat, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup. Beliau berkata, program itu juga memberikan faedah kepada lebih 31,000 usahawan tempatan termasuk usahawan bimbingan kerajaan yang memasarkan produk masing-masing dengan merekodkan jualan berjumlah RM56.55 juta dalam tempoh berkenaan.